

**TPM Lakukan Kunjungan Hormat Ke Atas Gabenor Jeneral Kanada  
Bernama  
14 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin melakukan kunjungan hormat ke atas Gabenor Jeneral Kanada, David Lloyd Johnston di hotel penginapan beliau di sini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran tiba kira-kira pukul 11.20 pagi dengan diiringi Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin selaku Menteri Pengiring.

Antara yang dibincangkan dalam pertemuan selama kira-kira setengah jam itu ialah usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan pendidikan.

Selesai pertemuan itu, Johnston dan rombongan bertolak ke Universiti Malaya untuk lawatan rasmi dan menghadiri jamuan tengah hari di Bangunan Institut Asia-Eropah universiti berkenaan.

Ini merupakan lawatan negara kali pertama Johnston ke Malaysia yang tiba di negara ini malam tadi dan dijadual berada di Malaysia selama empat hari.

Malam ini Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah akan meraikan beliau pada majlis jamuan negara di Istana Melawati, Putrajaya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626649>